

SOALAN LAZIM

Aplikasi My AIA



Perhatian:

1. Dokumen ini bukan bahan pemasaran tetapi merupakan panduan bagi aplikasi My AIA baharu yang telah dilancarkan pada 3 Ogos 2020.
2. Soalan Lazim ini meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelanggan individu, ahli korporat dan ahli AIA Vitality Malaysia.
3. Kami akan terus mengemaskini kandungan Soalan Lazim ini dari masa ke semasa.
4. Untuk maklumat lanjut tentang aplikasi My AIA, sila layari <https://www.aia.com.my/en/myaia-app.html> untuk memuat turun bahan dan juga menonton video pelancaran aplikasi My AIA.

KANDUNGAN SOALAN LAZIM

- 1. AM**
- 2. PENDAFTARAN & DAFTAR MASUK**
- 3. KAD E-PERUBATAN**
- 4. PRA-PENDAFTARAN @ KLINIK PANEL (BERJUMPA DOKTOR)**
 - berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja
- 5. SURAT RUJUKAN**
 - berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja
- 6. PERMINTAAN BAGI SURAT JAMINAN (E-LOG)**
 - berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja
- 7. BIL PERUBATAN**
 - berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja
- 8. TUNTUTAN**
- 9. AIA VITALITY**
- 10. LAIN-LAIN**
- 11. FINANCIAL HEALTH CHECK**

AM

1. Apakah aplikasi My AIA?

- Aplikasi My AIA ialah aplikasi mudah alih yang membolehkan anda:
 - ✓ Mengakses dan menyemak maklumat polisi / sijil;
 - ✓ Melihat kad perubatan anda (untuk polisi/sijil individu dan/atau Ahli Korporat); dan
 - ✓ Membuat bayaran dalam talian bagi premium/caruman atau yuran keahlian AIA Vitality.
- Bagi Ahli Korporat, anda juga boleh:
 - ✓ menerima dan melihat surat rujukan dan surat jaminan anda;
 - ✓ melihat bil perubatan anda;
 - ✓ membuat pra-pendaftaran rundingan doktor di klinik panel AIA; dan
 - ✓ menghantar dan mendapatkan maklumat terkini tentang tuntutan di mana-mana sahaja.
- Jika anda seorang ahli AIA Vitality, anda juga boleh melihat kad AIA Vitality anda, memeriksa status AIA Vitality dan mendapatkan ganjaran AIA Vitality menggunakan aplikasi ini.
- Bukan itu sahaja, anda juga boleh mendapatkan maklumat dan promosi terkini daripada AIA, pemberitahuan kesihatan, tips kesihatan dan banyak lagi.

2. Apakah perbezaan aplikasi My AIA baharu berbanding versi aplikasi lama yang saya gunakan?

- Aplikasi lama My AIA hanya tersedia untuk Ahli Korporat AIA. Kami kini telah menaik taraf aplikasi My AIA demi manfaat pelanggan individu kami.
- Ahli AIA Vitality juga boleh mengakses akaun AIA Vitality masing-masing menerusi aplikasi ini.

3. Siapa yang boleh menggunakan aplikasi My AIA?

- Anda boleh mendaftar dan menggunakan aplikasi ini selagi anda seorang pemilik polisi/sijil individu, mempunyai plan manfaat pekerja aktif atau akaun gadai janji dengan AIA Bhd., AIA PUBLIC Takaful Bhd. dan/atau AIA General Berhad (secara bersama dikenali sebagai AIA Malaysia).
- Ahli AIA Vitality juga boleh mengakses akaun AIA Vitality masing-masing menerusi aplikasi ini.

4. Apakah perbezaan antara aplikasi My AIA dan laman web My AIA?

- Kedua-dua platform kami dirangka untuk menawarkan pengalaman pelanggan yang bersepadu. Pelanggan kini boleh mengakses profil, butiran plan insurans/takaful, membuat transaksi pembayaran dan permintaan perkhidmatan, sama ada di laman web atau aplikasi My AIA.
- Bagaimanapun, ahli-ahli AIA Vitality hanya boleh mengakses akaun AIA Vitality mereka menerusi aplikasi My AIA.

5. Buat masa ini saya menggunakan laman web My AIA untuk mengakses semua maklumat polisi/sijil saya. Adakah saya masih perlu memuat turun aplikasi My AIA ini?

- Ya, kami menggalakkan anda memuat turun aplikasi My AIA untuk akses mudah dan pantas kepada maklumat polisi/sijil.
- Jika anda seorang ahli AIA Vitality, anda juga boleh mengakses keahlian AIA Vitality anda menerusi aplikasi ini.
- Harap maklum bahawa mulai 3 Ogos 2020, laman web AIA Vitality (www.aiavitality.com.my) dan aplikasi mudah alih AIA Vitality Malaysia tidak lagi tersedia. Ahli akan dibawa ke aplikasi

My AIA, yang kini disepadukan dengan aplikasi *AIA Vitality Malaysia* dan *AIA Vitality Weekly Challenge* (Cabaran Mingguan AIA Vitality). Setelah anda memuat turun dan memasang aplikasi My AIA, anda boleh menjejak mata AIA Vitality, termasuk cabaran mingguan pada aplikasi. Aplikasi *AIA Vitality Weekly Challenge* akan terus berfungsi serentak dengan aplikasi My AIA buat masa ini sehingga notis selanjutnya. Bagaimanapun, semua fungsi dalam aplikasi *AIA Vitality Weekly Challenge* sudah boleh didapati dalam versi aplikasi My AIA yang terkini. Oleh yang demikian, kami menasihatkan anda untuk hanya menggunakan aplikasi My AIA mulai sekarang, untuk mengelakkan kekeliruan. Aplikasi *AIA Vitality Weekly Challenge* akan ditamatkan, dan kami akan memberikan maklumat terkini pada masa yang sesuai.

6. Apakah keperluan sistem untuk memuat turun dan memasang aplikasi My AIA?

- Untuk menikmati pengalaman terbaik perkhidmatan dalam talian/digital, kami mencadangkan agar anda mengemaskini sistem operasi terbaharu peranti mudah alih anda.. Versi yang disyorkan ialah iOS 11 dan ke atas, dan Android 6 (API 23) dan ke atas.

Perhatian:

1. Bagi pemilik peranti Huawei, sila ambil maklum bahawa paparan notifikasi My AIA buat masa ini tidak disediakan untuk model telefon berikut: - Mate 30, Mate Xs, Y7P, Nova 7i, P40 dan peranti Huawei lain yang dilancarkan pada atau selepas 16 Mei 2019.
 2. Kami kini sedang berusaha untuk memastikan paparan notifikasi My AIA turut disediakan untuk model-model tersebut.
-
1. Sekiranya anda log masuk ke aplikasi My AIA menerusi laman web AIA, pengalaman terbaik melayari web adalah dengan menggunakan Google Chrome (30) dan ke atas; Edge (44) & Edge Chromium (84) dan ke atas; Internet Explorer (11) dan ke atas; Firefox (30) dan ke atas, serta Safari (8.0) dan ke atas.

7. Di manakah saya boleh memuat turun aplikasi My AIA?

- Anda boleh memuat turun aplikasi My AIA daripada Apple App Store, Google Play atau Huawei App Gallery pada peranti mudah alih anda.

8. Adakah kos akan dikenakan untuk memuat turun aplikasi My AIA?

- Tidak, aplikasi My AIA boleh dimuat turun secara percuma. Caj data mungkin dikenakan berdasarkan pelan data individu anda. Sila rujuk penyedia telekomunikasi anda untuk maklumat lanjut berkenaan caj data.

9. Adakah saya memerlukan sambungan Internet untuk menggunakan aplikasi My AIA?

- Ya, anda memerlukan sambungan Internet untuk menikmati ciri-ciri aplikasi My AIA sepenuhnya.

10. Adakah aplikasi My AIA selamat digunakan?

- Ya, kami menggunakan teknologi enkripsi dan ciri keselamatan terkini dalam aplikasi. Kami ingin mengingatkan anda agar tidak mendedahkan ID Pengguna dan Kata Laluan kepada sesiapa.
- Jika anda mendapati sebarang ketidakseragaman atau transaksi tidak sah dalam aplikasi My AIA anda, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217.

11. Bolehkah saya log masuk ke laman web My AIA dan aplikasi My AIA pada masa yang sama?

- Tidak. Anda hanya boleh log masuk ke salah satu daripada platform tersebut pada sesuatu masa.
- Aplikasi My AIA juga mengesan log masuk berbilang pengguna dan akan memastikan anda log keluar secara automatik daripada akses yang lebih awal yang dilakukan menerusi platform yang lain.

12. Bolehkah saya menggunakan aplikasi My AIA dalam peranti mudah alih yang telah diatasi sekatannya (jail broken) atau boleh mengakses direktori akar (rooted)?

- Sebagai langkah keselamatan, peranti mudah alih yang telah diatasi sekatannya (*jail broken*) atau boleh mengakses direktori akar (*rooted*) tidak boleh menggunakan aplikasi My AIA.

13. Di manakah saya boleh menyemak panduan pengguna?

- Sila layari <https://www.aia.com.my/en/myaia-app.html> untuk memuat turun panduan pengguna.

14. Siapakah yang patut saya hubungi jika saya mempunyai pertanyaan lanjut?

- Untuk isu berkaitan aplikasi My AIA, anda boleh menghubungi Talian Khidamt Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 atau layari <https://www.aia.com.my/en/help-support/contact-us.html>

PENDAFTARAN DAN LOGMASUK

15. Bagaimana saya mendaftar untuk aplikasi MY AIA?

- Pertama sekali, anda hendaklah memiliki polisi/sijil individu AIA di mana anda merupakan pemilik polisi, mempunyai pelan manfaat pekerja, akaun gadai janji dan/atau keahlian AIA Vitality.
- Kemudian, muat turun aplikasi My AIA.
- Di halaman My AIA, klik **Sign Up Here**.

16. Saya sudah mempunyai akaun My AIA. Apa yang patut saya lakukan? Perlukah saya mendaftar sekali lagi?

- Tidak, anda tidak perlu mendaftar. Untuk pengguna yang sudah mempunyai akaun My AIA atau sudah memuat turun aplikasi My AIA, mereka tidak perlu mendaftar sekali lagi.
- Anda boleh terus menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan sama.
- Anda hanya perlu mengemaskinikan aplikasi My AIA anda kepada versi terbaharu dan melakukan log masuk kali pertama dalam aplikasi baharu ini di mana anda perlu memasukkan Kata Laluan Sekali Guna (OTP) yang akan dihantar ke telefon mudah alih berdaftar anda.

Perhatian: Bagi pengguna telefon mudah alih Huawei, kami mencadangkan agar anda memadamkan aplikasi My AIA dan aplikasi AIA Vitality Malaysia yang sedia ada jika anda telah memuat turun aplikasi tersebut dalam telefon mudah alih anda dan memuat turun dan memasang versi aplikasi yang terbaharu menerusi Huawei App Gallery.

17. Apa yang patut saya lakukan selepas saya memasukkan **Kata Laluan Sekali Guna (OTP)?**

- Anda boleh teruskan dengan menanda kotak yang menyatakan 'I agree to the Terms of Usage' (saya bersetuju dengan Terma Penggunaan) aplikasi untuk meneruskan proses log masuk.

18. Bagaimana saya boleh mengakses akaun aplikasi My AIA dengan lebih pantas?

- Setelah anda mendaftarkan akaun, anda boleh memilih untuk menetapkan log masuk biometrik sama ada menerusi Cap Jari atau ID Muka atau Kod PIN untuk log masuk yang lebih pantas.

19. Saya tidak menerima **Kata Laluan Sekali Guna (OTP) walaupun sudah beberapa kali membuat permintaan, apa yang patut saya lakukan?/ Saya tidak menerima OTP kerana saya tidak lagi menggunakan nombor mudah alih yang digunakan untuk mendaftar bagi akaun My AIA, apa yang patut saya lakukan?**

- OTP akan dihantar ke nombor mudah alih yang didaftarkan dalam akaun My AIA anda, pastikan nombor mudah alih yang diberikan adalah betul. Disebabkan isu-isu berkaitan rangkaian telekomunikasi, penghantaran OTP mungkin terlewat sekali-sekala. Sila pastikan anda tidak menyekat nombor pesanan ringkas (SMS) 66300 dan 68886.
- Jika nombor mudah alih tidak diberikan atau nombor mudah alih salah didaftarkan, anda boleh menukar nombor mudah alih di halaman “Verify Your Information” (Sahkan Maklumat Anda).
 1. Jawab soalan keselamatan.
 2. Masukkan nombor mudah alih yang betul.
 3. Jawab soalan Akta Pematuhan Cukai Asing (FATCA) dan Piawaian Pelaporan Umum (CRS).
 4. **Kata Laluan Sekali Guna (OTP)** akan dihantar ke nombor mudah alih yang baru didaftarkan.
 5. Masukkan OTP dan teruskan dengan pendaftaran.
- Tip: Apabila anda telah memilih kod Negara cth. Malaysia (60), anda hanya perlu memasukkan nombor mudah alih tanpa angka ‘0’ di hadapan cth. nombor mudah alih ialah 01x-xxx xxxx, anda hanya perlu memasukkan 1x-xxx xxxx.

20. Bolehkah saya meminta satu lagi OTP jika saya tidak menerima OTP pada kali pertama?

- Ya. Anda boleh meminta OTP yang lain dalam masa tiga (3) minit selepas percubaan terakhir yang tidak berjaya.

21. Bagaimana jika saya masih tidak menerima OTP saya selepas permintaan dibuat?

- Sila pastikan talian mudah alih anda mempunyai liputan rangkaian yang baik.
- Anda boleh menghidupkan semula telefon mudah alih untuk memperbaharui sambungan rangkaian.
- Pastikan peti masuk SMS telefon mudah alih anda tidak penuh.
- Periksa sama ada terdapat sebarang aplikasi atau penetapan dalam telefon mudah alih anda yang mungkin menapis mesej anda.
- Jika anda masih mengalami masalah, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

22. Bagaimana jika OTP saya betul tetapi saya masih tidak boleh mengakses aplikasi MY AIA?

- Sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

23. Adakah saya perlu mengesahkan maklumat saya dalam aplikasi My AIA?

- Ya, anda perlu mengesahkan dan mengemaskini alamat e-mel dan nombor mudah alih jika anda log masuk buat kali pertama.
- Ini adalah untuk memastikan agar penghantaran **Kata Laluan Sekali Guna (OTP)** untuk pendaftaran dan juga maklumat terkini daripada AIA dapat dihantar kepada anda.

24. Bolehkah saya mendaftar untuk lebih daripada satu (1) akaun pengguna My AIA?

- Tidak.. Anda hanya boleh mendaftar untuk satu (1) akaun pengguna dengan No. KP anda. Anda boleh mengakses dan menyemak semua maklumat berkaitan polisi/sijil sebagai pemilik polisi aplikasi My AIA. Jika anda adalah Ahli Korporat AIA, anda juga boleh menyemak butiran tanggungan anda menerusi aplikasi.

Soalan 25 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

25. Bolehkah saya mendaftar akaun pengguna untuk tanggungan, penjaga dan/atau suami/isteri saya?

- Sebagai ahli utama, anda perlu mempunyai akaun pengguna yang aktif. Selepas itu, anda boleh menyerahkan hak kad e-perubatan kepada tanggungan, penjaga dan/atau suami/isteri yang membolehkan mereka menikmati beberapa ciri aplikasi ini.
- Perhatian: Sila rujuk soalan 39 untuk cara menyerahkan hak akses.

26. Saya menghadapi masalah log masuk ke dalam akaun saya yang sedia ada, apa yang patut saya lakukan?

- Jika anda terlupa kata laluan:
 - Klik **Forgot your user ID/password** di Halaman Log Masuk atau Klik di **sini**/Layari <<https://www.aia.com.my/en/my-aia/myaia-login.html>>
 - Masukkan Nombor KP/Pasport anda untuk pengesahan
 - Pilih untuk menerima pautan kata laluan menerusi e-mel atau SMS
 - Setelah anda menerima pautan kata laluan, klik pada pautan untuk tetapkan semula kata laluan dan log masuk menggunakan kata laluan baharu
- Untuk senario lain: -
 - **Cap Jari** – Jika cap jari telah ditetapkan & aplikasi terkunci
 - Masukkan Kod PIN
 - Jika anda tiada Kod PIN, masukkan ID Pengguna & Kata Laluan anda
 - Setelah anda berjaya log masuk, pergi ke penetapan telefon untuk membuka kunci & menetapkan semula cap jari anda
 - **Muka** – Jika ID Muka telah ditetapkan & aplikasi terkunci
 - Masukkan Kod PIN
 - Jika anda tiada Kod PIN, masukkan ID pengguna & Kata Laluan anda.
 - Setelah anda berjaya log masuk, pergi ke penetapan telefon untuk membuka & menetapkan semula ID Muka
 - **Kod Pin** – Jika Kod Pin telah ditetapkan & kini terkunci
 - Anda akan dibawa ke halaman log masuk dan diminta menggunakan ID Pengguna & Kata Laluan
 - Setelah anda berjaya log masuk, anda akan dibawa untuk menetapkan semula Kod PIN anda

27. Saya terlupa ID pengguna/kata laluan, apa yang patut saya lakukan?


- Klik **Forgot your user ID/password** di Halaman Log Masuk ATAU klik sini <<https://www.aia.com.my/en/my-aia/myaia-login.html>>
- Masukkan Nombor Pengenalan untuk pengesahan.
- Pilih untuk menerima pautan kata laluan menerusi e-mel atau SMS.

- Setelah anda menerima pautan kata laluan, klik pada pautan untuk menetapkan semula kata laluan dan log masuk menggunakan kata laluan baharu.
- Sekiranya e-mel atau nombor telefon mudah alih berdaftar anda tidak lagi digunakan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

28. Adakah saya perlu menetapkan semula ID Pengguna dan Kata Laluan selepas mengemaskinikan aplikasi My AIA yang sedia ada?

- Anda tidak perlu berbuat demikian. Anda boleh menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan yang sama.
- Anda hanya perlu mengemaskini aplikasi My AIA kepada versi terbaharu dan melakukan log masuk kali pertama untuk aplikasi baharu ini.

29. Bagaimana saya boleh mengemaskini profil pengguna saya?

- Anda boleh mengemaskini profil pengguna anda melalui aplikasi tersebut. Sila ke > **My Profile** (di bawah ikon menu )
- Selain itu, anda juga boleh berbuat demikian menerusi laman web My AIA (www.aia.com.my). Klik pada **My Profile** untuk menukar profil anda.

30. Bagaimana saya boleh menukar kata laluan saya?

- Log masuk ke aplikasi My AIA atau laman web My AIA (www.aia.com.my) > Selepas log masuk, klik **My Profile** > kemudian klik **Change Password** pada **Online Profile**.
- Atau, jika anda terlupa kata laluan, klik **Forgot Password** pada halaman log masuk laman web My AIA atau aplikasi My AIA.

31. Bagaimana untuk menukar alamat e-mel saya?

- Log masuk ke aplikasi My AIA atau laman web My AIA (www.aia.com.my) > Klik **My Profile** kemudian klik **Edit** pada **Contact Information** untuk menukar alamat e-mel anda.

32. Bagaimana saya boleh menukar nombor telefon saya?

- Log masuk ke aplikasi My AIA atau laman web My AIA (www.aia.com.my) > Klik My Profile kemudian klik **Edit** pada **Contact Information** untuk menukar nombor telefon.

33. Bolehkah saya mendaftar lebih daripada satu (1) nombor telefon?

- Anda hanya dibenarkan untuk mendaftar satu (1) nombor telefon sahaja.

34. Mengapa saya tidak dapat log masuk?

- Sila pastikan bahawa telefon mudah alih anda mempunyai sambungan internet.
- Pastikan anda telah mendaftar aplikasi My AIA.
- Sila semak jika anda telah menaip ID dan kata laluan yang betul.
- Sila keluar daripada aplikasi dan log masuk sekali lagi. Anda mungkin perlu menghidupkan semula telefon mudah alih anda.
- Jika anda masih tidak dapat log masuk, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

35. Bolehkah saya menutup/mengaktifkan paparan notifikasi?

- Ya. Anda boleh menutup/mengaktifkan fungsi ini menerusi **App Setting > Notifications**.
- Kami amat menggalakkan anda untuk mengaktifkan **paparan notifikasi** supaya anda boleh menerima notis penting dan maklumat terkini daripada AIA.

36. Bolehkah saya menutup/mengaktifkan fungsi lokasi?

- Ya. Anda boleh menutup/mengaktifkan fungsi '**my location**' menerusi **App Setting > Permissions**.
- Kami amat menggalakkan anda untuk mengaktifkan fungsi lokasi, jika tidak, anda tidak boleh membuat pra-pendaftaran untuk berjumpa doktor di klinik-klinik panel.

KAD E-PERUBATAN

37. Bolehkah saya melihat kad e-perubatan saya untuk polisi /sijil individu dan juga pelan manfaat pekerja saya?

- Ya, anda boleh melihat kad e-perubatan di bawah polisi/sijil individu dan/atau pelan manfaat pekerja, termasuk kad tanggungan anda menerusi aplikasi My AIA.

38. Bagi polisi/sijil individu, bolehkah saya mendaftarkan akaun pengguna aplikasi My AIA untuk ahli yang dilindungi seperti suami/isteri, anak yang diinsuranskan/dilindungi dibawah plan perubatan saya?

- Tidak. Bagi polisi/sijil individu, hanya pemilik polisi/sijil sahaja boleh mendaftar untuk aplikasi My AIA buat masa ini.

Soalan 39 – 46 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

39. Bagaimana untuk membolehkan tanggungan saya mengakses kad e-perubatan atau memberikan akses kepada penjaga bagi tanggungan yang merupakan kanak-kanak?

- Log masuk ke laman web My AIA > Klik **My Profile** > Klik **Medical Card Dependant Management** > Klik **Employee Benefit Policy** > Klik **+ Expand**
 - Lengkapkan maklumat yang diperlukan.
 - Tanggungan/penjaga anda akan menerima jemputan menerusi e-mel.
 - Klik pada pautan yang disediakan dalam e-mel dan lengkapkan proses penyerahan hak.
- Apabila tanggungan mendaftar di aplikasi My AIA, sila gunakan nombor K/P tanggungan sendiri (tanpa sengkang) sebagai ID Pengguna.

40. Saya telah memberikan akses kepada tanggungan saya untuk menyemak maklumatnya dalam aplikasi My AIA. Bagaimanapun, tanggungan saya kini menghadapi masalah untuk membuat pendaftaran dalam aplikasi MY AIA. Mesej ralat yang timbul ialah "We can't find a match for the user ID and password combination you entered. Please try again." Apa yang patut saya lakukan?

- Apabila tanggungan anda membuat pendaftaran dalam aplikasi My AIA, sila gunakan nombor kad pengenalan tanggungan sendiri (tanpa sengkang) sebagai ID Pengguna.
- Sila semak juga sama ada anda telah memasukkan kata laluan yang betul. Jika anda tidak pasti,
 - Klik **Forgot your user ID/password** di Halaman Log Masuk
 - ATAU klik sini <<https://www.aia.com.my/en/my-aia/myaia-login.html>>
 - Masukkan Nombor Pengenalan anda untuk pengesahan
 - Pilih untuk menerima pautan kata laluan menerusi e-mel atau SMS.
 - Setelah anda menerima pautan kata laluan, klik pada pautan untuk tetapkan semula kata laluan dan log masuk menggunakan kata laluan baharu.
- Selain itu, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

41. Bagaimana untuk membatalkan akses tanggungan atau penjaga saya (yang telah saya berikan lebih awal) untuk kad e-perubatan?

- Log masuk ke laman web My AIA > Klik **My Profile** > Klik **Medical Card Dependant Management** > Klik **Preferred Care Policy** > Klik p **+Expand**
- Untuk membatalkan akses kad e-perubatan bagi tanggungan berdaftar, pilih **“Unlink Medical Card”**
- Untuk membatalkan penjaga, klik pada butang **“DELETE”**.
- Tanggungan/penjaga tidak lagi boleh melihat kad yang ditetapkan dalam aplikasi My AIA mereka selepas itu.

42. Bagaimana saya boleh mengakses kad perubatan saya jika tiada sambungan internet?

- Anda boleh mengemukakan Kad Pengenalan/Pasport anda apabila anda mengunjungi klinik panel kami. Anda juga boleh membayar dahulu dan membuat tuntutan pembayaran balik daripada AIA selepas itu.

43. Mengapa saya tidak menemui kad perubatan saya dalam senarai?

- Jika anda merupakan ahli yang baru mendaftar, Jabatan Sumber Manusia anda akan mengemukakan permohonan menggunakan Portal Korporat AIA dan sistem akan mengambil masa selama dua (2) hari bekerja untuk mengemas kini status anda.
- Jika Jabatan Sumber Manusia anda mengemukakan permohonan anda kepada AIA secara manual, sistem memerlukan 14 hari bekerja untuk mengemaskini status anda.
- Jika isu ini tidak diselesaikan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk bantuan.

44. Mengapa saya mempunyai lebih daripada satu (1) kad yang tersenarai?

- Jika anda pemegang kad Utama (pekerja), anda akan dapat melihat semua kad tanggungan anda dalam aplikasi My AIA.

45. Mengapa suami/isteri saya tiada akses kepada aplikasi My AIA untuk menyemak butiran polisi/sijilnya?

- Hanya pemegang kad perubatan Utama mempunyai akses kepada aplikasi My AIA untuk menyemak semua butiran polisi/sijil, termasuk tanggungan mereka.

46. Bagaimana jika klinik panel menyatakan bahawa mereka tidak menerima kad e-perubatan?

- Sila hantarkan e-mel kepada kami di my.aiagnetwork@aia.com
- Berikan butiran yang berikut:
 - Nama klinik panel
 - Lokasi
 - Masa & tarikh kunjungan
 - Isu yang timbul
- Sebaik selepas aduan dibuat, AIA akan menghubungi klinik pada hari yang sama untuk menyelesaikansebarang is. AIA kemudiannya akan menghubungi anda untuk memberikan maklumat terkini tentang hasil penemuan.

PRA-PENDAFTARAN DI KLINIK PANEL

(Perhatian: Untuk membuat pra-pendaftaran bagi rundingan doktor, pengguna boleh klik pada pautan pantas 'Visit a doctor')

Soalan 47 – 55 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

47. Mengapa saya tidak dapat membuat pra-pendaftaran untuk rundingan doktor?

- Sila pastikan bahawa akses GPS/Lokasi diaktifkan.
- Sila pastikan bahawa klinik panel yang anda ingin membuat pra-pendaftaran berada dalam lingkungan jarak 25km dari lokasi semasa anda.
- Jika masalah ini berterusan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

48. Mengapa klinik panel tidak muncul dalam peta untuk pra-pendaftaran?

- Sila pastikan bahawa akses GPS/Lokasi anda diaktifkan.
- Jika masalah ini berterusan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA untuk mendapatkan bantuan.

49. Mengapa saya perlu melakukan pra-pendaftaran untuk rundingan doktor?

- Pra-pendaftaran membolehkan anda memaklumkan kepada klinik lebih awal tentang kunjungan anda, bagi mempercepatkan proses pendaftaran apabila anda tiba nanti.
- Bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa ini bukan tempahan slot masa atau temu janji untuk menemui doktor.

50. Bolehkah saya membuat pembatalan selepas melakukan pra-pendaftaran untuk mengunjungi klinik tertentu?

- Ya, anda boleh membuat pembatalan selepas melakukan pra-pendaftaran.

51. Apa yang patut saya lakukan jika saya telah membuat pra-pendaftaran ke klinik yang salah?

- Anda boleh membatalkan pra-pendaftaran yang salah dan membuat pra-pendaftaran baharu di klinik yang ingin dikunjungi.

52. Bolehkah saya terus ke kaunter klinik tanpa membuat pra-pendaftaran?

- Pra-pendaftaran bertujuan mempercepatkan proses pendaftaran di klinik. Oleh yang demikian, kami amat menggalakkan ahli untuk melakukan pra-pendaftaran sebelum mengunjungi klinik pilihan mereka.

53. Saya telah membuat pra-pendaftaran tetapi mengapa aplikasi MY AIA tidak menunjukkan sebarang rekod pra-pendaftaran di klinik yang ingin saya kunjungi?

- Klinik akan menyelesaikannya di pihak mereka. Kunjungan anda tidak akan terjejas.

54. Bagaimana saya boleh tahu jika pra-pendaftaran saya untuk rundingan doktor berjaya?

- Anda boleh menyemak dengan klikbutang **Panel Visit** yang terletak di bawah skrin kad perubatan anda untuk menyemak kunjungan semasa & kunjungan terdahulu anda.

55. Bolehkah saya meneruskan rawatan jika terdapat paparan mesej yang menyatakan 'no specialist coverage' (tiada perlindungan pakar) / 'exceeded limit' (melebihi had)?

- Ya, anda boleh meneruskan rawatan, tetapi anda perlu menanggung kos anda sendiri memandangkan rawatan tidak dilindungi di bawah kad perubatan anda.

SURAT RUJUKAN

Soalan 56 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

56. Di manakah saya boleh melihat surat rujukan saya?

- Anda boleh melihat surat e-Rujukan anda dengan klikpada ikon **Guarantee/Referral Letter** (Surat Jaminan/Rujukan) pada paparan utama dan pada skrin kad perubatan.

PERMINTAAN BAGI SURAT JAMINAN (eLOG)

Soalan 57-58 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

57. Bagaimana saya boleh memohon Surat Jaminan (LOG) menerusi aplikasi My AIA?

- Anda boleh klik pada butang **Contact** dan menghubungi Talian Hotline Surat Jaminan untuk meminta Surat Jaminan.

58. Di manakah saya boleh melihat Surat Jaminan (LOG) saya?

- Anda boleh melihat eLOG anda dengan klik pada ikon **Guarantee/Referral Letter** pada paparan utama dan skrin kad perubatan.

BIL PERUBATAN:

Soalan 59 adalah berkaitan dengan ahli Korporat AIA sahaja

59. Apakah tujuan bil perubatan?

- Bil perubatan membolehkan anda menyemak butiran rawatan terdahulu anda cth. bil tersenarai, jumlah kos, butiran klinik dll. Anda boleh menyemak bil perubatan anda dengan klik pada ikon **Medical Bill** pada skrin kad perubatan.

TUNTUTAN:

60. Di mana saya boleh menyemak sejarah tuntutan saya?

- Untuk Pelanggan Individu AIA:
 - **Aplikasi My AIA:** Log masuk ke aplikasi My AIA. Klik **My Plans**. Kemudian pilih ikon **Claims**. Pergi ke **Claims History** dan pilih **View All**.
 - **Laman web My AIA:** Anda juga boleh menyemak sejarah tuntutan peribadi anda menerusi **laman web** My AIA
 - Log masuk ke My AIA > klik **My Claims** > klik **Personal Claim** > **Active Claims** (untuk tuntutan semasa/dalam proses) atau > **Past Claims** (untuk tuntutan terdahulu/ disempurnakan)
 - Sementara itu, jika anda mahu mendapatkan satu salinan surat urusan tuntutan, klik "**Claim Details**". Pautan "**View Correspondence**" akan muncul pada skrin seterusnya.
- Untuk Ahli Korporat AIA:
 - **Aplikasi My AIA:**
 - Untuk status e-Tuntutan, log masuk ke aplikasi My AIA. Klik **Claim**
 - Untuk kunjungan doktor am, log masuk ke aplikasi My AIA, klik **Medical Bills**
 - **Laman Web My AIA:** Anda juga boleh melihat sejarah tuntutan menerusi **laman web** My AIA (www.aia.com.my): Log masuk ke My AIA > klik **My Claims** > klik **Employee Claim** > **Claim Utilisation**

Soalan 61-62 adalah berkaitan dengan Ahli Korporat AIA sahaja

61. Mengapa tuntutan semasa saya tidak muncul dalam aplikasi MY AIA?

- Rekod akan dikemaskinikan dalam masa 48 jam selepas tuntutan dicatatkan/diproses.

62. Bolehkah saya mengemukakan tuntutan saya di dalam talian?

- Ya. Anda boleh mengemukakan tuntutan di dalam talian bagi yang berikut:-
 - Doktor am
 - Pakar
 - Pergigian
 - Optikal
 - Bersalin
 - Pemeriksaan Kesihatan
 - Sebelum & Selepas Kemasukan Hospital
 - Fisioterapi
 - Rawatan Kanser Pesakit Luar dan
 - Dialisis Buah Pinggang
- Untuk mengemukakan tuntutan anda di dalam talian, ambil gambar dan muat naik dokumen yang diperlukan menerusi aplikasi My AIA. Sebaik tuntutan anda diluluskan, bayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda dalam masa tiga (3) hari bekerja.
- Perhatian:
 - Untuk tuntutan Kemasukan Hospital - Kemasukan & Rawatan Harian, anda masih perlu mengemukakan secara fizikal dokumen tuntutan asal bagi pemprosesan tuntutan anda.
 - Bagi tuntutan Pesakit Luar / Pesakit Dalam, anda perlu menyimpan resit asal anda untuk tempoh tujuh (7) tahun.

AIA VITALITY

63. Saya seorang ahli AIA Vitality. Adakah saya memerlukan aplikasi ini?

- Ya, anda memerlukan aplikasi ini. Anda memerlukan aplikasi My AIA untuk menyemak status AIA Vitality anda dan melakukan transaksi lain seperti menebus ganjaran, melihat kemajuan cabaran dll.
- Laman web AIA Vitality (aiavitality.com.my) dan aplikasi AIA Vitality Malaysia yang sedang anda gunakan tidak lagi tersedia mulai 3 Ogos 2020. Oleh yang demikian, anda perlu mengakses semua maklumat AIA Vitality anda menerusi aplikasi My AIA mulai 3 Ogos 2020.
- Anda masih boleh menggunakan aplikasi AIA Vitality Weekly Challenge untuk menjejak cabaran mingguan anda buat masa ini sehingga notis selanjutnya.

64. Adakah saya perlu mencipta ID Pengguna dan kata laluan baharu bagi aplikasi My AIA?

- Anda tidak perlu berbuat demikian. Anda boleh terus menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan sama.
- Anda hanya perlu mengemaskini aplikasi My AIA anda kepada versi terbaharu dan melakukan log masuk kali pertama dalam aplikasi baharu ini yang memerlukan anda memasukkan **Kata Laluan Sekali Guna (OTP)** yang akan dihantar ke telefon mudah alih berdaftar anda.
- Klik sini <https://www.aia.com.my/en/my-aia/forgot-password.html> jika anda mahu mendapatkan ID Pengguna atau menetapkan semula kata laluan anda.

65. Bolehkah saya terus menggunakan aplikasi AIA Vitality saya?

- Tidak. Anda memerlukan aplikasi My AIA untuk menyemak status AIA Vitality anda dan melakukan transaksi lain seperti menuntut ganjaran, melihat kemajuan cabaran dll.
- Laman web AIA Vitality (aiavitality.com.my) dan aplikasi AIA Vitality Malaysia yang anda gunakan sekarang tidak lagi tersedia mulai 3 Ogos 2020. Oleh yang demikian, anda perlu mengakses semua maklumat AIA Vitality menerusi aplikasi My AIA mulai 3 Ogos 2020.
- Aplikasi AIA Vitality Weekly Challenge akan terus berfungsi serentak dengan aplikasi My AIA buat masa ini sehingga notis selanjutnya. Bagaimanapun, semua fungsi dalam aplikasi Weekly Challenge kini boleh didapati dalam aplikasi My AIA. Oleh itu kami menasihatkan anda untuk hanya menggunakan aplikasi My AIA mulai sekarang, untuk mengelakkan kekeliruan. Aplikasi Weekly Challenge akan ditamatkan, dan kami akan memberikan maklumat terkini pada masa yang sesuai.

66. Apa yang akan berlaku kepada aplikasi AIA Vitality & AIA Vitality Weekly Challenge yang sedia ada?

- Aplikasi AIA Vitality Malaysia tidak lagi tersedia mulai 3 Ogos 2020.
- Pengguna aplikasi AIA Vitality Malaysia akan diminta untuk memuat turun atau mengemaskini aplikasi My AIA baharu daripada Apple App Store, Google Play atau Huawei App Gallery.
- Setelah anda memuat turun aplikasi My AIA baharu, anda boleh terus memadam aplikasi AIA Vitality Malaysia daripada telefon anda.
- Aplikasi AIA Vitality Weekly Challenge akan berfungsi seperti biasa sehingga notis selanjutnya. Harap maklum bahawa semua fungsi dalam aplikasi Weekly Challenge juga boleh didapati dalam versi terbaharu aplikasi My AIA.

Perhatian: Bagi pengguna mudah alih Huawei, kami mencadangkan agar anda memadam aplikasi My AIA dan AIA Vitality Malaysia yang sedia ada jika terdapat dalam telefon mudah alih anda dan memuat turun dan memasang versi baharu aplikasi tersebut menerusi Huawei App Gallery.

67. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat tentang AIA Vitality yang kebiasaannya boleh didapati di www.aiavitality.com.my?

- Kebanyakan maklumat yang sebelum ini boleh didapati di www.aiavitality.com.my kini boleh didapati dalam aplikasi My AIA.
- Anda juga boleh merujuk Soalam Lazim AIA Vitality mulai 3 Ogos 2020 melalui pautan <http://www.aia.com.my/en/our-products/aia-vitality/members-only-faq.html>

68. Saya sudah mempunyai akaun sedia ada dalam aplikasi My AIA kerana saya mempunyai polisi/sijil lain dengan AIA. Adakah saya perlu mendaftar sekali lagi untuk mendapatkan kembali akses kepada maklumat AIA Vitality saya?

- Tidak. Anda hanya perlu mengemaskini aplikasi My AIA kepada versi terbaharu.
- Semua ciri terbaharu akan dimasukkan secara automatik ke dalam versi yang baru dikemas kini tersebut.

69. Adakah saya dapat menyemak mata dan status AIA Vitality saya selepas saya memuat turun aplikasi MY AIA?

- Ya. Anda juga boleh menyemak mata dan status AIA Vitality anda pada paparan utama dalam aplikasi.

Lain-lain

70. Aplikasi My AIA saya tidak dapat dibuka / aplikasi tidak bertindak balas/ aplikasi menunjukkan ralat/ aplikasi ditutup tanpa diduga. Apa yang boleh saya lakukan?

- Cuba muat turun dan pasang semula versi terbaharu aplikasi My AIA dan log masuk sekali lagi.
- Pastikan sistem operasi telefon anda adalah serasi.
- Untuk pengalaman terbaik memanfaatkan perkhidmatan dalam talian/digital, kami mengesyorkan agar anda menggunakan sistem operasi terbaharu yang dikemaskinikan pada peranti mudah alih anda. Versi yang disyorkan ialah iOS 11 dan ke atas, dan Android 6 (API 23) dan ke atas.
- Jika masalah berterusan, hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

Perhatian:

1. Bagi pemilik peranti Huawei, harapmaklum bahawa **paparan notifikasi** My AIA buat masa ini tidak disediakan untuk model telefon berikut: - Mate 30, Mate Xs, Y7P, Nova 7i, P40 dan peranti Huawei lain yang dilancarkan pada atau selepas 16 Mei 2019. Kami kini sedang berusaha untuk memastikan paparan notifikasi My AIA turut disediakan untuk model-model tersebut.
2. Sekiranya anda log masuk ke aplikasi My AIA menerusi laman web AIA, pengalaman melayari web terbaik adalah dengan menggunakan Google Chrome (30) dan ke atas; Edge (44) & Edge Chromium (84) dan ke atas; Internet Explorer (11) dan ke atas; Firefox (30) dan ke atas, dan Safari (8.0) dan ke atas.

71. Apa yang patut saya lakukan jika sebarang maklumat tentang manfaat/tuntutan/mata AIA Vitality saya tidak betul?

- Sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217 untuk mendapatkan bantuan.

72. Bolehkah saya menggunakan aplikasi untuk mengakses maklumat manfaat pekerja terdahulu saya jika saya tidak lagi berada di bawah polisi/sijil korporat yang disediakan oleh majikan saya sebelum ini?

- Anda tidak boleh berbuat demikian.
- Bagaimanapun, anda masih boleh mengakses dan melihat polisi/sijil individu atau ciri-ciri AIA Vitality dalam aplikasi.

73. PENILAIAN KEADAAN KEWANGAN (*FINANCIAL HEALTH CHECK - FHC*) Apakah FHC? Mengapa saya patut melakukan penilaian ini?

- FHC adalah alat penilaian diri yang terdapat di dalam aplikasi My AIA yang dirangka untuk
- membantu anda memahami keperluan serta tahap perlindungan insurans/takaful anda.
- Kami menggalakkan anda untuk membuat penilaian FHC kerana soal selidik pantas ini boleh dilengkapkan pada bila-bila masa, di mana jua anda berada.
- Anda hanya perlu menjawab beberapa soalan ringkas. Aplikasi My AIA akan menganalisis maklumat yang anda berikan untuk mengetahui tanda aras perlindungan anda yang sedia ada berbanding pelanggan AIA lain yang mempunyai profil yang sama seperti anda. Kami juga akan mengenalpasti sebarang kekurangan/jurang dalam perlindungan semasa anda supaya anda dapat merancang langkah anda yang seterusnya.
- Anda akan menerima laporan penilaian bersama profil anda dengan serta-merta.

74. Adakah FHC juga menyertakan manfaat pekerja yang diberikan oleh syarikat saya sebagai sebahagian daripada penilaian ini?

- FHC adalah berasaskan perlindungan individu anda sahaja. Penilaian ini tidak termasuk manfaat pekerja kerana anda tidak lagi menikmati manfaat perlindungan pekerja tersebut jika anda meninggalkan syarikat.

75. Di mana saya boleh mencari FHC di dalam aplikasi My AIA?

- Anda boleh mengakses FHC menerusi saluran yang berikut:
 - i. Butang "Review Your Coverage" (Semak Perlindungan Anda) daripada Paparan Utama
 - ii. "Start Now" (Mula Sekarang) daripada kotak *Financial Health Check* di halaman *Individual Plans / Employee Benefits* (Pelan Individu/Manfaat Pekerja)
 - iii. "Take An Assessment" daripada notifikasi *Take An Assessment* dalam *My Inbox*.

76. Bolehkah saya mengakses FHC daripada laman web?

- Buat masa ini FHC hanya boleh diakses melalui aplikasi My AIA. Penilaian ini akan disediakan melalui portal pelanggan My AIA pada masa akan datang.

77. Saya masih belum memulakan penilaian FHC saya, tetapi saya sudah melihat pra-penilaian sudah dilakukan secara automatik bagi saya. Mengapa sedemikian?

- Ini kerana anda mempunyai polisi/sijil sedia ada dengan AIA. Dengan adanya maklumat ini, kami telah melakukan penilaian awal untuk anda berasaskan perlindungan dan profil semasa anda dengan AIA berbanding pelanggan AIA lain yang berkongsi profil yang sama dengan anda.

78. Memandangkan saya telah menerima keputusan penilaian awal, perlukah saya mengambil satu lagi penilaian FHC?

- Sudah tentu. Anda mungkin telah mencapai peringkat kehidupan yang lain sejak kali terakhir anda berinteraksi dengan AIA. Kami juga mungkin meminta maklumat tambahan lain seperti perlindungan insurans/takaful semasa yang mungkin anda miliki bersama syarikat insurans/takaful lain selain daripada AIA.
- Penilaian FHC akan memberi anda penilaian terkini berasaskan profil semasa anda dan memaparkan jurang perlindungan semasa anda.

79. Mengapa ahli keluarga/rakan sekerja/sahabat saya menerima pra-penilaian secara automatik dalam aplikasi My AIA sedangkan saya tidak menerima penilaian saya?

- Ahli keluarga/rakan sekerja/sahabat anda mempunyai polisi/sijil individu sedia ada dengan AIA. Dengan maklumat yang ada, kami boleh menyediakan penilaian awal untuk mereka.

- Anda tidak dapat menyemak penilaian ini kerana anda masih belum mempunyai pelan individu yang aktif dengan AIA.

80. Bolehkah saya berhenti mengambil penilaian my FHC separuh jalan dan meneruskan kemudian?

- Ya, anda boleh berhenti pada bila-bila masa. Untuk melakukannya, anda perlu tekan anak panah ke belakang di bahagian kiri atas dan pilih "Close & Save Progress".
- Apabila anda kembali untuk melengkapkan penilaian, anda hanya perlu tekan "Continue" di laman utama FHC.

81. Adakah saya boleh kembali ke soalan terdahulu yang dijawab dalam FHC untuk membuat perubahan?

- Ya, tekan "Previous" di bahagian bawah halaman untuk menukar jawapan anda.
- Kemudian klik "Next" untuk pergi ke soalan seterusnya.

82. Terdapat satu soalan dalam penilaian FHC di bawah 'My Finances' yang bertanyakan tentang "my annual spend on insurance/takaful for myself" (perbelanjaan tahunan saya bagi insurans/takaful untuk diri sendiri". Adakah ini untuk pelan AIA atau pelan insurans/takaful lain dengan syarikat lain?

- Soalan ini adalah untuk pelan insurans/takaful individu anda dengan AIA dan juga syarikat-syarikat lain.

83. Terdapat soalan di bawah "My Coverage" dalam penilaian tentang "my insurance/takaful policies/certificates with other companies" (polisi insurans/takaful saya dengan syarikat lain). Perlukah saya mengecualikan pelan AIA daripada senarai ini?

- Ya, sila kecualikan pelan AIA anda. Kami akan menunjukkan semua maklumat tentang perlindungan keseluruhan anda dalam Tinjauan Penilaian anda kemudian.

84. Saya telah melengkapkan penilaian FHC, tetapi bolehkah saya kembali untuk menukar maklumat yang telah saya kemukakan?

- Ya. Klik "Review your coverage" di laman utama FHC dan tukar jika perlu. Anda akan menerima analisis terkini dan juga profil peringkat hidup anda.

85. Saya tidak menyimpan keputusan saya. Bolehkah saya melihat keputusan saya terus daripada aplikasi My AIA?

- Ya. Klik "View Coverage Summary" di laman utama FHC untuk melihat keputusan anda.

86. Apakah yang ditawarkan oleh kempen pelanggan FHC?

- Kempen pelanggan FHC bermuladari 3 September 2020.
- 10,000 pelanggan AIA pertama yang melengkapkan penilaian FHC sebelum 31 Oktober akan menerima e-baucar Touch and Go bernilai RM10. Mereka akan menerima e-baucar menerusi e-mel/SMS dalam masa tujuh (7) hari selepas melengkapkan penilaian FHC.

87. Saya ada masalah mengakses FHC, siapakah yang boleh saya hubungi?

- Sila hubungi **Talian Khidmat Pelanggan My AIA di 1 800 88 1217** atau hubungi kami di <https://www.aia.com.my/en/help-support/contact-us.html>

88. Bolehkah saya bercakap dengan seorang Perancang Hayat untuk menilai perlindungan saya?

- Ya, selepas melengkapkan penilaian anda, FHC akan meminta anda mengkaji semula keputusan anda dengan Perancang Hayat AIA untuk mendapatkan nasihat dan panduan lanjut.

My AIA app

Updated 14 September 2020_b

- Jika anda mempunyai Perancang Hayat sedia ada yang berkhidmat untuk anda, aplikasi My AIA akan secara automatik meminta nama Perancang Hayat yang anda pilih supaya beliau boleh menghubungi anda.
- Jika anda tiada Perancang Hayat sedia ada dan membuat keputusan untuk bertemu dengan seorang Perancang Hayat - AIA akan mengatur seorang Perancang Hayat untuk bertemu anda.